

Ular tedung menyelip masuk ke rumah sewaktu berseorangan

Oleh: Nur Hazwani Anuar 1180195

SELANGOR : Seorang wanita yang sedang berseorangan di rumah tergamam apabila melihat seekor ular tedung sepanjang satu meter menyelip masuk ke bawah kerusi rumahnya lalu menghilang sekelip mata.

Kejadian disedari ketika wanita berusia 28 tahun itu sedang bersendirian di rumah sebelum dia ternampak seekor ular tedung menyelip masuk kemudian hilang tanpa dikesan.

Fatin Nabihah Rusli, dari Jenderam Hulu, berkata, reptilia yang digelar sebagai ular tedung itu kerap kali memasuki rumahnya, berikutan cuaca yang tidak menentu.

“Ketika berseorangan di dapur, saya terdengar bunyi sesuatu bergerak di dalam kabinet dan terkejut melihat seekor ular berwarna hitam panjang keluar dari situ. Ular itu berjaya dibunuh dengan parang selepas ayah pulang ke rumah,” katanya.



Lubang angin yang menghubungkan ular dari memasuki rumah, kini telah ditutup menggunakan jaring.

Dia berkata, reptilia itu pernah memasuki ruang tamu rumah melalui lubang angin, sejeurus mengejutkan adik-adiknya yang sedang tidur.

“Sebelum ini, kelibat berkenaan pernah melingkar di hadapan pintu bilik air pada waktu malam. Waktu itu, arwah nenek mahu ke bilik air, tetapi lampu tidak dinyalakan. Mujurlah dapat menyedari awal kemunculan ular tersebut,” katanya.



Kawasan rumah yang dipenuhi dengan pokok-pokok hijau menjadi tempat kesukaan haiwan tersebut.

Ia dipercayai muncul dari luar kawasan rumah yang dipenuhi pokok-pokok besar yang rimbun. Hal ini jelas kerana reptilia tersebut gemar bersembunyi disebalik tumbuhan hijau.

Rusli Ahmad, 59, iaitu ayah kepada wanita tersebut sering dijadikan hero buat keluarganya kerana memberanikan diri menangkap reptilia itu hanya menggunakan parang panjang.

Pada masa sama, ayahnya memberi jaminan menambah baik pengurusan kawasan rumah dan penutupan semua lubang bagi mengelakkan kehadiran haiwan itu pada masa akan datang.

Sehubungan itu, dia menasihatkan supaya berhati-hati dengan kehadiran spesies yang merbahaya terutamanya ular. Elakkan dari terus menyerang ketika berdepan dengan kelibat berkenaan kerana ia akan menyerang kembali jika salah pada teknikinya.